




MAJLIS BANDARAYA IPOH


NOTIS SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN SEBUT HARGA
1.	<p>NO. SEBUT HARGA S0089/21</p> <p>FAIL RUJUKAN K9/PKB/A2/17/21</p> <p>TAJUK CADANGAN MEMBEKAL 3,260 UNIT TONG SAMPAH BERODA (120 LITER) BAGI PROGRAM IPOH BANDAR RAYA TERBERSIH 2023</p>	<p>(TERBUKA) BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN</p> <p>KOD BIDANG 080101 Kelengkapan/Kemudahan Awam (kecuali kelengkapan Kemudahan permainan/sukan)</p>	<p>TARIKH DIJUAL 28 JULAI 2021 (RABU) HINGGA 03 OGOS 2021 (SELASA)</p> <p>HARGA DOKUMEN RM30.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN)</p> <p>LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my</p>	<p>TARIKH TUTUP 04 OGOS 2021 (RABU) 12:00 TENGAH HARI</p> <p>LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA PETI TENDER/ SEBUT HARGA LOBI UTAMA, ARAS BAWAH, IBU PEJABAT MAJLIS BANDARAYA IPOH</p>

- Bermula 5 Mei 2021 segala pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebut harga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara dalam talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran bagi pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan di kembalikan.
- Naskah Meja Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.
- Dokumen sebutharga hanya dijual kepada syarikat **Dengan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia, 3 bulan sebelum tamat tempoh**.
- Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (Cukai taksiran/ kompaun/ sewaan/ semak-samun/ pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara dalam talian di laman sesawang <https://sso.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**
- Semua dokumen sebut harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor sebut harga berkenaan di penjuru kiri hadapan dan **nama syarikat di bahagian belakang sampul surat** serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Lobi Utama, Aras Bawah, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh**.
- Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Tender/Sebut Harga setelah Peti Tender/Sebut Harga dibuka.
- Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.


HJH SAIDATUL AKIMA BT JAMALUDIN, ACM.,AMP
PENGARAH KANAN (KEWANGAN)
MAJLIS BANDARAYA IPOH


SURIANI BINTI ISMAIL
KETUA BAHAGIAN UKUR BAHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH